



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## ANALISIS PRAGMATIK TEROMBA ADAT PERPATIH BERHUBUNG ISU PEMECATAN UNDANG LUAK JOHOL KE-14

ABDUL KARIM BIN MANSOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH INSTITUT PERADABAN MELAYU

INSTITUT PERADABAN MELAYU  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini meneliti kepentingan analisis pragmatik teromba Adat Perpatih berdasarkan isu pemecatan Undang Luak Johol Ke-14. Kajian ini juga meneliti kepentingan penggunaan teromba, mengenal pasti unsur pragmatik dan kepentingan penggunaan teromba serta perkaitan kepentingan teromba berlandaskan nilai-nilai Islam dalam isu pemecatan. Analisis pragmatik teromba ini berlandaskan teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber & Wilson. Prinsipnya merujuk kepada penggunaan struktur dalam teromba yang berbentuk implisit, inferens dan ujaran tak terucap. Pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian kepustakaan, protokol temu bual, pemerhatian digunakan dalam kajian ini dan diperkuuhkan dengan teknik triangulasi data. Berpandukan teori Relevans jumlah responden tidak dipentingkan tetapi mementingkan potensi setiap responden. Pengkaji menemu bual masyarakat setempat, orang luar dan orang-orang yang berpengetahuan asas adat yang membentuk tunjang Adat Perpatih iaitu adat yang sebenar adat, adat yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat Luak Johol, “Berundang, Berteromba, Bersalasilah” sehingga pengkaji dapat mengungkapkan keseluruhan pandangan subjek pengkajian. Dapatkan kajian menunjukkan tindakan pemecatan Undang Luak Johol ke-14 dan pelantikan Undang ke-15 oleh Dato Jenang bersama Buapak Yang Enam adalah tidak sah dan langsung tidak berpandukan teromba yang menjadi asas penting dalam Adat Perpatih. Tindakan ini dalam teromba dinyatakan sebagai dahaga-dahagi (memberontak) dan kicang-kecoh (menghasut). Kesimpulannya, kajian ini telah menghasilkan satu carta organisasi kepimpinan Adat Luak Johol dan bidang tugas mereka berdasarkan teromba adat, “Berundang, Berteromba, Bersalasilah” serta boleh dijadikan sebagai asas panduan penimbangtaraan kepada Dewan Keadilan dan Undang serta kepada Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan. Implikasi kajian menunjukkan pengiktirafan Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri merupakan satu kekhilafan dan tidak mengikut perlombagaan (*constitutional duties*), undang-undang (*statutory duties*) dan fidusiari (*fiduciary duties*) bagi menjaga kedaulatan dan martabat Undang Luak Johol ke-14 yang merupakan salah seorang “Undang Yang Empat” “*Ruling Chiefs*” dan haknya dilindungi di bawah fasal 181, Perlombagaan Persekutuan.





## A PRAGMATIC ANALYSIS OF THE TEROMBA ADAT PERPATIH IN THE ISSUE OF THE DISMISSAL OF THE 14<sup>TH</sup> UNDANG LUAK JOHOL

### ABSTRACT

This research examines the pragmatic analysis of the “Teromba Adat Perpatih”, a form of Malay classic poetry which is used as a guideline and regulation in the practice of the traditional *Perpatih* Customs in the state of Negeri Sembilan. In particular, this research examines the pragmatic analysis of “Teromba” in the issue of the removal from office of the 14<sup>th</sup> traditional Ruling Chief or “Undang Luak Johol”. The objectives of the study are to examine the importance of the use of “Teromba”, to identify the pragmatic elements in “Teromba: in particular in the issue of the dismissal of the 14<sup>th</sup> Ruling Chief of Johol with together to identify the relevance of “Teromba” which is based on Islamic values in the issue of this dismissal. This pragmatic analysis of “Teromba” is based on the “Relevance” theory founded by Sperber & Wilson (1986) and duly reinforced in 1995. The principle refers to the use of implicit inferred structures used in “Teromba”, inferences and unspoken expressions. This study is qualitative in nature whilst the instrument used to collect the qualitative data is in descriptive form via library research method, interviews, observations and further reinforced using the data triangulation technique. Based on the theory of Relevance, the number of respondents is immaterial but emphasis is given to the potential of each respondent. The researcher interviewed locals, outsiders and people with some basic knowledge of the *Perpatih* customs which is the authentic custom of the people of the district of Johol. The researcher examined the thoughts and viewpoints of the people interviewed in finding answers to the issue in question. The findings show that the dismissal of the 14th Ruling Chief of Johol and the appointment of the 15th Ruling Chief of Johol by “Dato Jenang” together with the Six Heads of the local Johol clan were unlawful and were not directly guided by guidelines of the “teromba” which is the basis of the laws and regulations of the *Perpatih* customs. As such, such an act is deemed to be expressed as a rebellion and a hoax (incitement). The implications of the study show that the Hall of Justice and the State Government made an error in their judgement by acknowledging the dismissal or removal from office of the 14<sup>th</sup> Ruling Chief of Johol. The decision made is deemed unconstitutional while failing to safeguard the sovereignty and dignity of the 14th Ruling Chief of Johol, whose rights are protected under clause 181 of the Federal Constitution. Based on the findings of this study, a chart of the District of Johol Customs organization and their duties based on the customary “Teromba” has been produced, as the basis for arbitration and guidance to the House of Justice and the Law and to the State Government of Negeri Sembilan.





## KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv

## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	12
1.3 Permasalahan Kajian	67
1.4 Objektif Kajian	88
1.5 Soalan Kajian	89
1.6 Batasan Kajian	89
1.7 Kepentingan Kajian	106
1.8 Definisi Konsep dan Operasional	119
1.8.1 Pragmatik	119
1.8.2 Adat Perpatih	123
1.8.3 Teromba	155
1.8.4 Pemecatan	245
1.8.5 Undang Luak Johol Ke-14	246
1.8.6 Nilai-Nilai Islam	268
1.8.7 Kesimpulan	281



## BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	282
2.2 Sorotan Dalam Negara	283
2.3 Sorotan Luar Negara	334
2.4 Kesimpulan	339





### BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	340
3.2 Teori	343
3.3 Pengumpulan Data	373
3.4 Responden	376
3.5 Lokasi Kajian	378
3.6 Alat kajian yang digunakan	379
3.6.1 Kaedah Kepustakaan	379
3.6.2 Temu bual	381
3.6.3 Kaedah Pemerhatian	386
3.7 Prosedur Penganalisisan Data	389
3.8 Keesahan dan Kebolehpercayaan Data	390
3.9 Kerangka Kajian	398
3.10 Kesimpulan	398



### BAB 4 KEPENTINGAN PENGGUNAAN TEROMBA DALAM ISU PEMECATAN UNDANG LUAK JOHOL KE-14

4.1 Pengenalan	399
4.2 Teromba Dalam Tunjang Adat Luak Johol	406
4.2.1 Berundang	406
4.2.2 Berteromba	407
4.2.3 Bersalasilah	418
4.3 Teromba Dalam Perincian Empat Bahagian Adat	421
4.3.1 Adat Yang Sebenar-benar Adat	422
4.3.2 Adat Yang Diadatkan	426
4.3.3 Adat Yang Teradat	438
4.3.4 Adat Istiadat	440
4.4 Teromba Dalam Struktur Pemerintahan Adat Luak Johol	448
4.4.1 Ibu Warith	451
4.4.2 Undang	465
4.4.3 Dato Baginda Tan Mas	467
4.5 Teromba Dalam Struktur Pentadbiran Adat Luak Johol.	471





4.5.1 Dato Lembaga Tiang Balai	472
4.5.2 Orang Besar Balai	475
4.5.3 Dato Jenang	483
4.5.4 Dato Gempa	486
4.5.5 Dato Menteri	486
4.5.6 Pengawal Undang	487
4.5.7 Buapak Yang Enam	487
4.5.8 Kesimpulan	492

## BAB 5 PENGGUNAAN TEROMBA DALAM ISU PEMECATAN UNDANG LUAK JOHOL KE-14

5.1 Pengenalan	493
5.2 Penggunaan Teromba terhadap Pemecatan Undang	502
5.3 Permasalahan Bila Tidak Memahami Teromba	523
5.3.1 Tindakan Yang Dirancang	526
5.3.2.i.e Tidak Sabar Menyandang Pusaka	527
5.3.3 Dahaga-Dahagi dan Kicang-Kecoh	530
5.3.4 Mahu Menjumudkan Pusaka Gemencbeh	532
5.3.5 Tidak Memahami Adat	557
5.3.6 Ada Niat Jahat	559
5.3.7 Pemecatan Tidak Mengikut Aturan Adat	560
5.3.8 Tindakan Pemecatan Tidak Direstui Oleh Ibu Warith	560
5.3.9 Membelakangkan Peranan Dato Undang Sungai Ujong	563
5.3.10 Kredibiliti Dato Batin dan Buapak Yang Enam dipertikaikan	563
5.4 Teromba Kuasa Melantik Dan Pedang Pemancung Undang Ke-14	566
5.4.1 Mengikut Perlombagaan Persekutuan	566
5.4.2 Mengikut Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1959	568
5.4.3 Penyelesaian Kes-Kes Terdahulu ( <i>Precedent Case</i> )	571
5.4.4 Mengikut Teromba Adat Zaman Purbakala	573
5.4.5 Kuasa Dato Undang Luak Johol	574
5.5 Teromba Tindakan Perundangan Daripada Undang Ke-14	578





5.5.1	Teromba Tuntutan Pihak Plaintiff Terhadap Pihak Defendant	582
5.5.2	Teromba Pembelaan Defendant Pertama Hingga Ke Sembilan	583
5.5.3	Teromba Pembelaan Defendant Ke-10 Hingga Ke Ke-12	584
5.6	Kesimpulan	590

## **BAB 6 KEPENTINGAN TEROMBA BERLANDASKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM ISU PEMECATAN UNDANG LUAK JOHOL KE-14**

6.1	Pengenalan	592
6.2	Teromba Nilai Islam Dalam Isu Pemecatan Undang Luak Johol Ke-14	604
6.3	Teromba Unsur Tasawuf Dalam Isu Pemecatan Undang Luak Johol Ke-14	608
6.4	Analisis 13 Pertuduhan berkaitan dengan Nilai Islam	612
6.5	Teromba Nilai-Nilai Islam Dalam 13 Pertuduhan Pemecatan Undang Luak Johol Ke-14	613
6.6	Kesimpulan	619



## **BAB 7 RUMUSAN, PENEMUAN KAJIAN, CADANGAN DAN KAJIAN LANJUTAN**

7.1	Pengenalan	621
7.2	Penemuan Kajian	623
7.3	Cadangan	639
7.4	Kajian Lanjutan	643
7.5	Kesimpulan	644

**RUJUKAN** 651

**MAKLUMAT INFORMAN** 670

**LAMPIRAN** 679

**GLOSARI** 860





## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
-------------------	-------------------

- |     |   |           |
|-----|---|-----------|
| 1.1 | Teromba Tunjang Adat Luak Berundang (J.E. Nathan & R.O. Winstedt, 1920)   | 74        |
| 1.2 | Empat Bahagian Pemakaian Teromba Adat Perpatih Dalam Asas Pembentukan, Pentadbiran Dan Undang-Undang Kerajaan Tanah Beradat 1898 Negeri Sembilan  | 185 – 187 |
| 1.3 | Analisis teromba punca kuasa dan hak kaum perempuan dalam Adat Perpatih   | 204       |
| 1.4 | Perincian persamaan susun atur zaman awal pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang diasaskan oleh Parameswara dengan zaman awal Pemerintahan Kerajaan Undang Johol Berdasarkan Analisis teori Relevans. | 233 – 234 |
| 1.5 | Senarai Undang Luak Johol yang bermula 1973 sehingga 2016, “Undang Mati, Undang Menanam” Tindakan Pelanggaran Balai Undang Luak Johol Ke-14   | 250       |
| 4.1 | Analisis Asas Empat Bahagian Pemakaian Teromba Adat Perpatih berdasarkan teori Relevans Dalam Pembentukan, Pentadbiran Dan Undang-Undang Kerajaan Tanah Beradat Luak Johol.                               | 442 – 447 |
| 4.2 | Suku yang boleh dikahwini atau dikahwini dengan syarat oleh anak-anak Suku Warith Jati Luak Johol.  | 455 - 456 |
| 4.3 | Suku yang tidak boleh dikahwini sama sekali oleh anak-anak Suku Warith Jati Luak Johol.   | 456 - 457 |
| 4.4 | Perincian carta alir pelantikan Dato Baginda Tan Mas.   | 470       |
| 6.1 | Analisis Pragmatik Teromba Adat Perpatih Berdasarkan Perspektif Nilai-Nilai Islam   | 614 – 618 |





## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Teromba Tunjang Adat Kejadian Yang Di-Pertuan Besar Seri Menanti dan Undang Yang Empat Berdasarkan Analisis Pragmatik berlandaskan teori Relevans.	37 - 38
1.2	Struktur Pentadbiran Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.	86
1.3	Salasilah Keturunan Puteri Mayang Selida berdasarkan Pusat Sejarah Kajian Salasilah Kesultanan Brunei dengan Sejarah Negeri Sembilan (Sumber: Wilkinson (1920) & Buyong Adil (1989)).	125
1.4	Peta kawasan pengamal Adat Perpatih di Negeri Sembilan.	128
1.5	Struktur Pembentukan Kerajaan Negeri Sembilan dan Undang-Undang Tubuh 1959 berdasarkan teromba.	177
1.6	Carta Organisasi Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka	229
1.7	Salasilah Keturunan Dato Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan, Dato Setiawan 1, Warith Penyandang Pusaka Undang Luak Johol.	238
1.8	Salasilah Keturunan Puteri Mayang Selida berdasarkan Pusat Sejarah Kajian Salasilah Kesultanan Brunei dengan Sejarah Negeri Sembilan. (Sumber: Wilkinson (1920) & Buyong Adil (1981))	242
3.1	Gagasan Pragmatik	350
3.2	Susur Galur Pragmatik	351
3.3	Kerangka Penggunaan Teori Relevans	372
3.4	Carta Alir Reka Bentuk Kajian	396
3.5	Proses Pengumpulan, Alat Kajian, Analisis Data, Keesahan dan Kebolehpercayaan	397





3.6	Kerangka Kajian	398
4.1	Hierarki Pentadbiran Adat Luak Johol Berdasarkan Teromba Datok Johol.	411
4.2	Catatan Peristiwa Besar dalam Sistem Pentadbiran Undang di Luak Johol dari 1723 sehingga 2016.	412 – 415
4.3	Salasilah keturunan Dato Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan, Dato Setiawan 1, Warith Penyandang Pusaka Undang Luak Johol.	418
4.4	Salasilah keturunan Puteri Mayang Selida berdasarkan Pusat Sejarah Kajian Salasilah Kesultanan Brunei dengan Sejarah Negeri Sembilan (Sumber : Wilkinson (1920) & Buyong Adil (1981)	419
4.5	Analisis Pragmatik Teromba Adat Luak Johol berpandukan teori Relevans menunjukkan Ibu Warith adalah Pemilik Pusaka Undang Luak Johol Yang Berdaulat	429
4.6	Hierarki Kedudukan Ibu Warith Pemilik Pusaka Undang Luak Johol Mewarisi Pusaka Raja Kesultanan Johor	450
4.7	Rumusan Kedudukan Ibu Warith Pemilik Pusaka Undang Luak Johol Mewarisi Kesultanan Johor	464
4.8	Carta Alir Pelantikan Dato Baginda Tan Mas Luak Johol	469
4.9	Kejadian Dato Lembaga Tiang Balai (J. E. Nathan, R. O. Winstedt, 1920 hlm 18, 74, 76).	474
4.10	Analisis Asal Usul Kejadian Dato-Dato Johol, Jenang Dan Buapak Yang Enam Serta Taraf Kedudukannya Berdasarkan “Teromba Datok-Datok Johol”. (J. E. Nathan, R. O. Winstedt, 1920)	476 - 480





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.11	Rumusan Aturan Adat Luak Johol Berjenjang Naik Bertangga Turun Berdasarkan Analisis Pragmatik “Teromba Datok-Datok Johol”. (J. E. Nathan, R. O. Winstedt, 1920) Dengan Berpandukan teori Relevans	482
4.12	Hierarki Pentadbiran Balai Undang Luak Johol Hasil daripada Analisis Teromba Dato-Dato Johol Berpandukan Teori Relevans	491
5.1	Kedudukan Undang Dalam Struktur Pentadbiran Kerajaan Negeri Negeri Sembilan	581



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xv

## **SENARAI SINGKATAN**

**AP** Adat Perpatih

**DTNS** Darjah Tertinggi Negeri Sembilan

**YTM** Yang Teramat Mulia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Di Alam Melayu terdapat pelbagai adat yang digunakan dalam kehidupan bermasyarakat. Adat Perpatih dan Adat Temenggung merupakan adat yang paling banyak diamalkan di kawasan Nusantara, contohnya di Sumatera Barat, Negeri Sembilan, Naning, Melaka dan Adat Temenggung pula seperti Johor, Selangor, Pahang, Perak dan sebagainya. Kewujudan kedua-dua adat tersebut dikatakan berasal daripada ibu yang sama tetapi berlainan bapa. Adat Temenggung diasaskan oleh Dato Ketemenggungan manakala Adat Perpatih diasaskan oleh Dato Perpatih Pinang Nan Sebatang (Zainal Abidin Borhan, 1997). Menurut M.B Hooker (1970), adat ialah satu aspek kelakuan yang mendekati soal etika atau moral sesuatu serta dianggap elok atau sesuai dan dapat diterima oleh sesuatu masyarakat atau juga dikatakan sebagai undang-



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



undang kemasyarakatan, hukum alam atau keadaan semula jadi yang menerangkan tentang fenomena-fenomena alam serta adat yang membawa pengertian undang-undang.

Oleh itu, Adat Perpatih yang dilandaskan kepada teromba merupakan satu entiti penting kepada masyarakat Negeri Sembilan yang wajib dijaga keterpeliharaan dan kefahaman masyarakat daripada sudut pragmatik teromba khususnya yang berkaitan dengan nilai-nilai Islam dalam Adat Perpatih. Tidak ada satu masyarakat pun mampu meneruskan matlamat dan wawasan yang dicita-citakan sekiranya golongan generasi muda yang digelar sebagai pewaris kecemerlangan bangsa tidak diberikan pendidikan dan pemahaman tentang Adat Perpatih yang sebenar-benarnya. Hal ini kerana kekuatan dan kelemahan pengadaptasian Adat Perpatih dalam arena kehidupan masyarakat di Negeri Sembilan amat bergantung kepada golongan generasi muda pengamalnya. Menurut Abdul Samad Idris (1974), Adat Perpatih ini adalah satu sistem pentadbiran dan pemerintahan serta cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara yang dikawal oleh peraturan-peraturan hidup sehari-hari.

Menyedari hakikat bahawa generasi ini merupakan sumber asas yang bakal mencetuskan legasi kecemerlangan Adat Perpatih di Nusantara berkaitan dengan nilai-nilai Islam, kepimpinan dan pemahaman pragmatik teromba Adat Perpatih, Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan telah memberikan fokus utama terhadap usaha memulihara adat ini. Bukti yang paling jelas ialah pada 16 Mei 2014, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir telah mencadangkan penubuhan sebuah institusi kajian Adat Perpatih sebagai tempat utama rujukan tentang Adat Perpatih





(Bernama, 2014). Berdasarkan teks ucapan baginda yang bertajuk “Wujudkan Institusi Kajian Adat Pepatih”, baginda bertitah dalam majlis perasmian Pesta Persukuan Adat Perpatih 2014 di Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti, bahawa pusat itu boleh berfungsi sebagai institusi kajian dan kefahaman kepada Adat Perpatih, yang dijunjung masyarakat Negeri Sembilan selama ini. Selain itu, Tuanku Muhriz juga ingin melihat agar usaha digerakkan untuk merealisasikan kewujudan institusi ini bagi memastikan generasi akan datang tidak hanya mengetahui adat ini di muzium atau arkib sahaja. Tuanku Muhriz juga berharap agar adat warisan turun temurun ini akan terus terpelihara.

Oleh sebab itu, untuk meningkatkan pengetahuan, kreativiti dan inovasi serta



memupuk ‘minda kelas pertama’ kepada generasi muda pengamal dalam Adat Perpatih yang dilandaskan dengan teromba adalah penting kerana kejayaan pada masa hadapan bergantung kepada mutu modal insan yang dimiliki bukan sahaja dari aspek intelek tetapi juga aspek keperibadian (Mahazir Yusof, 2007). Maka, titah baginda agar masyarakat sewajarnya menggunakan sebaiknya nilai-nilai yang terkandung dalam Adat Perpatih untuk membentuk karektor diri terutama generasi muda yang boleh menjadikannya sebagai benteng utuh mendepani pelbagai cabaran dan gejala keruntuhan akhlak.

Usaha memulihara Adat Perpatih dan memberi kefahaman kepada generasi muda agar tidak hilang ditelan zaman yang dimulakan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz, tidak terhenti setakat itu sahaja, malah usaha ini terus diperhebatkan. Kenyataan ini dapat diperlihat melalui atas daya usaha dan iltizam,





Mohd Rosli Saludin, Pengarah, Institut Peradaban Melayu (2014-2016), Universiti Pendidikan Sultan Idris, dengan kerjasama pihak Muzium dan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sembilan, telah menganjurkan pertandingan pidato Adat Perpatih peringkat antarabangsa yang melibatkan peserta Indonesia, Libya dan Nigeria. (Berita Terkini RTM TV1 - 12 Mei 2015).

Ketika merasmikan program tersebut, Timbalan Naib Canselor dan Alumni Universiti Pendidikan Sultan Idris, Datuk Dr. Junaidi Abu Bakar berkata, “peradaban dan nilai murni sesuatu adat perlu diamalkan bersama-sama generasi muda agar kesinambungan terus terpelihara. Menerusi program pidato ini, generasi muda dapat menghargai, menghayati sekali gus mempertahankan warisan adat agar jati diri terus dipupuk”. Beliau berucap merasmikan pertandingan pidato Adat Perpatih peringkat antarabangsa, di Seremban. Peserta antarabangsa yang berasal daripada Libya dan Nigeria berjaya menarik perhatian juri apabila memenangi peringkat kedua dan ketiga bagi kategori jemputan khas antarabangsa manakala peserta dari Indonesia mendapat tempat yang pertama. (Berita Terkini RTM TV1 - 12 Mei 2015).

Malangnya, semakin hebat pihak kerajaan Negeri Sembilan mengatur langkah memulihara Adat Perpatih yang telah sekian lama menjadi darah daging masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, ada segelintir masyarakat yang berada di luar lingkaran adat itu berpendapat bahawa adat tersebut menjadi penghalang ke arah kemajuan orang Melayu di negeri itu. Mereka merasakan adat yang diamalkan sejak sekian lama oleh berapa generasi sudah lapuk dan ketinggalan zaman serta tidak sesuai dipraktikkan pada zaman yang menuju era globalisasi. (Kosmo Online, 22 November 2015).





Keadaan ini semakin rumit, apabila berlakunya pemecatan Undang Luak Johol Ke-14, Dato Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan, YTM Dato Haji Mohd Jan Bin Abdul Ghani. Beliau didakwa melakukan 13 kesalahan berat menghina adat dan pusaka Luak Johol tanpa dilandasi dengan teromba aturan adat. Pendakwaan hanya berpandukan sebuah buku Gemuk Berpupuk Segar Bersiram Luak Johol terbitan 1996 yang diakui sendiri tidak lengkap oleh Undang Luak Johol ke-13, Almarhum Dato Abdul Bin Ali yang memerintah dari tahun 1988 hingga 2007. Peristiwa ini amat menyedihkan sekali kerana sejak tahun 1723 sehingga sekarang, tidak pernah berlaku peristiwa mengaibkan dengan pemecatan Undang di Luak Johol. (Sinar, 29 Mac 2015)



Teromba adalah penting dalam kepimpinan Adat Perpatih. Menurut Undang

Luak Rembau, Dato Lela Maharaja Muhamad Sharip Othman (2015), teromba Adat bupsi Perpatih adalah undang-undang atau peraturan hidup yang lengkap meliputi aspek kehidupan masyarakat sama ada politik, ekonomi dan sosial. Beliau kesal kerana ada sesetengah masyarakat luar mempunyai pandangan sempit mengenai adat yang diamalkan itu apabila mereka berpendapat Adat Perpatih hanyalah adat sosiobudaya yang mudah digambarkan seperti adat dalam pertunangan, perkahwinan dan lain-lain. Maksud “adat” di Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih adalah undang-undang yang harus dipelihara sepanjang zaman kerana adat itu bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah, syarak mengata, adat memakai. Contohnya, jika undang-undang atau aturan adat itu tidak dipatuhi, sudah tentu ia tidak dapat memberi kesejahteraan kepada masyarakat. Masyarakat umum kena buka minda agar dapat lebih memahami tentang adat ini. Ia telah disusun elok untuk kesejahteraan dan kestabilan masyarakat. Menurut Rais Yatim (2016), sebarang tindakan dan keputusan dalam





kepimpinan Adat Perpatih yang tidak dilandaskan dengan teromba adat adalah tidak sah.

Bersumberkan daripada pandangan di atas, timbul berbagai persoalan antaranya adakah masyarakat, pemimpin adat dan pemimpin Negeri Sembilan benar-benar faham tentang Adat Perpatih yang dilandaskan dengan teromba ini. Peristiwa pemecatan Undang Luak Johol Ke-14 yang tidak dilandaskan dengan teromba ini, bukan sahaja memalukan luak tersebut, tetapi memalukan Institusi Beraja di Negeri Sembilan itu sendiri. Di manakah letaknya nilai Islam dalam Institusi Beraja di Negeri Sembilan, adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah, syarak mengata adat memakai? Persoalan-persoalan ini menarik perhatian pengkaji untuk meneliti kajian-kajian lepas yang telah dijalankan di dalam atau luar negara berkaitan dengan teromba Adat Perpatih.



Menurut Mohd Taib Osman (1975), teromba ialah pengucapan adat yang menerangkan perbilangan Adat Perpatih dan menerangkan perbilangan dasar adat. Manakala Harun Mat Piah (1989), menjelaskan bahawa teromba mengandungi konotasi adat yang digunakan sebagai panduan dan amalan terutama Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang sehingga kini masih digunakan di Minangkabau dan beberapa daerah di Negeri Sembilan dan Melaka.

Maka dengan itu juga, dalam kepimpinan Adat Perpatih, setiap kata, ada isinya dan setiap lafaz, ada maknanya. Adalah mustahak mengetahui makna dan cara menggunakan mengikut pengertian adat itu sendiri. Penyampaianya halus dan





mendalam kerana ada unsur-unsur tasawuf di dalamnya. Tanpa mengetahui pemakaianya, bermakna penyampaian itu tidak menepati maksud yang sebenar dan kadang kala boleh menimbulkan salah penerimaan (Hamzah Mahmood, 1982). Jika diteliti teromba di bawah, contoh diambil daripada sebatang pokok namun kiasan nenek moyang pengamal Adat Perpatih kepada anak cucu cicitnya dalam menjalani kehidupan dunia ini amat mendalam untuk tatapan dan panduan.

*Kalau dikaji dalam-dalam,  
Bertemu urat dengan isinya,  
Jika dipanjang tinggi-tinggi,  
Nampak pucuk dan silara,  
Bertunggul berpenebangan,  
Berbatang berpenggabungan,  
Tiap-tiap kulit ada isinya,  
Tiap-tiap lafadz ada maknanya.*



Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (1962) menjelaskan bahawa teromba adalah sebagai puisi yang tetap imbang suku kata, rimanya mempunyai susunan, makna yang kemas dan mendalam. Dalam teromba sarat dengan nilai Islam. Nilai yang amat jelas adalah berkaitan dengan nilai kerjasama yang erat dalam kelompok masyarakat bagi mengekalkan perpaduan yang dijadikan nilai utama.

Kenyataan ini diperkuuhkan lagi oleh Rais Yatim (1994) dengan menyatakan, “walau apa pun bentuk teromba, yang pasti konsep ini merupakan satu cara hidup yang lengkap bagi masyarakat Adat Perpatih. Lengkap dengan falsafah pendamai hidup, lengkap dengan undang-undang dan lengkap dengan keindahan bahasa”.

*Sebaris berpantang hilang,  
Setitik berpantang lupa*

(Hashim A. Ghani, 1974)





Berdasarkan keterangan di atas, pengkaji berpendapat bahawa teromba merupakan satu elemen penting untuk membezakan Adat Perpatih dengan adat masyarakat Melayu yang lain. Dalam masyarakat Adat Perpatih, teromba digunakan sama ada dalam bentuk formal atau pun tidak formal. Dalam keadaan formal, khususnya dalam masa perhimpunan adat untuk menjalankan upacara adat dan istiadat, sebahagian besar daripada alat komunikasi adalah menggunakan teromba yang penuh dengan sopan santunnya. Hal ini kerana nilai dan institusi kebudayaan masyarakat adat banyak memberi kehalusan kepada ketertiban kelakuan manusia seperti terkandung di dalam institusi adatnya.

Perhimpunan adat dalam masyarakat Adat Perpatih terbahagi kepada dua jenis



jaitu kerapatan dan berkampung. Kedua-dua perhimpunan ini perlu, sebelum menjalankan sebarang aktiviti kemasyarakatan baik daripada segi sosial, politik mahu pun ekonomi termasuk pentadbiran negeri, suku, perundangan, kehakiman, upacara adat istiadat dan sebagainya. Dalam pemuaafakatan ini, penyataan, penerangan dan penghujahan adalah dilafazkan, dibuktikan dan disokong dengan teromba. (Norhalim Ibrahim, 2003)

*Kok digumpal sebesar kuku*

*Kok dikembang selebar alam*

*Walau sebesar biji labu*

*Langit dan bumi ada di dalam*

*Adat digulung pendek*

*Panjang direntang*

*Tak faham jika tak direnungkan*

(Mohd Rosli Saludin, 2003)





Dalam keadaan tidak formal pula, Adat Perpatih yang berteras “muafakat dan budi” ini, teromba digunakan sebagai alat untuk mendidik generasi muda, menyelaras serta menpersaksikan pelakuan yang diinstitusionalisasikan (dilembagakan) ke arah penghasilan generasi yang matang, bermaruah dan beradab sopan.

*Dapek yang kocik daripada yang besar  
Dapek yang besar daripada yang tua  
Dapek yang tua daripada yang dulu-dulu  
Dapek dulu-dulu daripada yang sudah-sudah.*

*Tak patah tiek  
Tak luka, congek*

*Kocik bernamo  
Bosar bergolar*



*Mati bersobab  
Marah berjalan  
Lubok orang jangan dikoca*

(Zainap A. Hamid, Kg. Nuri. 1 Feb 2017)

Dalam keadaan tertentu, teromba juga digunakan sebagai kaedah untuk mendapatkan bantuan dan pertolongan. Selain daripada itu, teromba juga digunakan untuk penekanan atau penegasan, menyindir dan memperingatkan sesuatu di samping memberi warna dalam perbualan harian atau dalam kata lain, dalam zaman keagungan masyarakat Adat Perpatih yang berdiri atas “budi dan muafakat, khususnya sebelum diresapi oleh budaya barat dan pengaruh pentadbiran British, teromba sentiasa bermain dibibir masyarakat pengamal Adat Perpatih.





*Kata adat banyak kiasan  
Ditunjuk dia tetapi bukan,  
Digulung pendek,  
Panjang direntang  
Tak faham,  
Kalau tak direnungkan.*

(Norhalim Ibrahim, 2003)

Tegasnya, dalam teromba Adat Perpatih yang terkenal dengan budaya yang kaya dengan falsafah ini malahan ia diperkuatkan lagi dengan kias kata dan bidal pusaka yang penuh dengan santun. Santun ini telah menjadi akar budi sejak sekian lama.

*Melayu itu kaya falsafahnya  
Kias kata, bidal pusaka  
Akar budi sejak sekian lama.*



*Berkelahi cara Melayu  
Menikam dengan pantun  
Menyanggah dengan senyum*

(Usman Awang, 1992)

Rumusannya di sini, teromba adalah peraturan penting dalam Adat Perpatih yang wajib diikuti kerana teromba banyak menjelaskan dalam bentuk undang-undang dan peraturan-peraturan bagaimana sesuatu Adat Perpatih boleh diikuti dengan baik. Teromba ini terpancar dalam bentuk puisi dan penjelasannya dalam bentuk prosa.

Malangnya, teromba ini tidak dapat dikuasai dengan sepenuhnya oleh pemimpin dan pengikut Adat Perpatih menyebabkan berlaku pertelaghanan dan perebutan kuasa dalam kalangan para pemimpin adat atau waris untuk menjadi Undang. Kenyataan ini dapat dilihat seperti yang berlaku di Luak Sungai Ujong,





Luak Jelebu, Luak Rembau dan terkini Luak Johol sehingga menimbulkan konflik kepada masyarakat setempat.

Antara masalah pelantikan Undang di Luak Jelebu ke-16 masih belum selesai biar pun pengumuman mengenai pemegang jawatan telah dibuat untuk menggantikan Allahyarham Dato Undang Musa Wahab. (Utusan Malaysia Online, 29 April 2016) dan yang terkini adalah isu yang penuh dengan kontroversi tentang pemecatan Undang Luak Johol ke-14, Dato Haji Mohd Jan bin Abdul Ghani pada 27 Mac 2016 oleh Dato Jenang Zakaria Bin Mohammad bersama dengan Buapak Yang Enam. (Sinar Online, 29 Mac 2016).



Persoalan-persoalan ini telah menarik perhatian pengkaji untuk mengkaji berkaitan dengan isu Undang ini kerana menurut Abdul Samad Idris (1996), pemimpin adat di Luak Johol telah diberi garis panduan untuk memahami teromba supaya mudah





melaksanakan pentadbiran dalam kalangan anak buah masing-masing. Pemimpin adat di Luak Johol juga dikehendaki mencari lebih banyak teromba yang menjadi amalan turun temurun sejak nenek moyang lagi. Di antara teromba yang patut difahami ialah;

*Biar mati anak jangan mati adat  
Adat bersendikan hukum,  
Hukum bersendikan kitabullah*

*Tiba diperut jangan dikempiskan,  
Tiba di dada jangan dibusungkan.*

*Memahat dalam barisan,  
Berkata dalam pusaka*

*Hilang adat dek muafakat,  
Berjenjang naik, bertangga turun  
Dianjak layu, dicabut mati*



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Teromba merupakan satu seni yang menakjubkan kerana mengandungi unsur emosi, imaginasi, dan budi. Dengan paduan unsur-unsur inilah pencipta atau nenek moyang menyampaikan fikiran, perasaan, harapan, cita-cita dan mesej serta nilai-nilai dalam hubungan manusia sesama manusia, manusia dengan masyarakatnya dan hubungan manusia dengan dengan tuhan. Teromba ini mengandungi unsur-unsur estetika lahiriah dan maknawi. (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2000). Akan tetapi ramai pemimpin adat tidak memahaminya. Pendukung adat ini tidak dapat menyampaikan penyataan-penyataan, fikiran, perasaan, harapan, cita-cita serta mesej dalam hubungan sesama manusia dengan manusia, manusia dengan masyarakat atau alam sekitarnya

